

# Mahkamah benar MRT jadi pencelah

**KUALA LUMPUR** - Mahkamah tinggi membenarkan permohonan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk menjadi pencelah dalam permohonan semakan kehakiman difailkan 39 pemilik premis perniagaan di pusat beli-belah Ampang Park.

Kesemua pemilik premis itu memfailkan permohonan untuk mencabar kelulusan diberi Pentadbir

Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu pihak lagi berhubung pengambilan tanah bagi projek MRT Lembah Klang Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Perkara itu dimaklumkan Peguam Kanan Persekutuan, Nik Haizie Azlin Nabidin kepada media, semalam.

Nik Haizie, yang mewakili Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur (WPKL) dan Pentadbir Tanah WPKL selaku responden berkata, MRT Corp, diwakili peguam Robert Lazar dibenar menjadi pencelah kerana mempunyai kepentingan dalam projek berkenaan.

Peguam Datuk Edward Ng Boon Siong mewakili 39 pemilik premis berkata, mahkamah menetapkan 30 Jun bagi mendengar permohonan semakan kehakiman itu. - *Bernama*